Pembentukan Kepimpinan Berintegriti melalui Konsep *Tazkiyah al-Nafs*

[The Formation of Integrity-Based Leadership through *Tazkiyah al-Nafs*]

BITARA
Volume 9, Issue 1, 2026: 305-315
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 17 January 2026
Accepted: 27 February 2026
Published: 30 March 2026

Nur Qistina Zulkefli[1] & Nozira Salleh[1*]

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: qistinazulkefli0804@gmail.com; aziera@ukm.edu.my

*Corresponding Author: aziera@ukm.edu.my

Abstrak

Nilai integriti merupakan elemen asas dalam kepimpinan yang berperanan dalam menjamin kesejahteraan serta kestabilan masyarakat. Namun, realiti semasa memperlihatkan berlakunya krisis integriti dalam kalangan pemimpin apabila isu seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah, ketidakadilan dan pengabaian amanah sering dikaitkan dengan institusi kepimpinan. Fenomena ini menekankan keperluan untuk memperkukuh nilai dalaman dan aspek rohani pemimpin agar kepimpinan dapat dilaksanakan secara berkesan dan beretika. Sehubungan itu, kajian ini meneliti konsep *tazkiyah al-nafs* sebagai teras utama dalam pembentukan kepimpinan berintegriti menurut perspektif Islam. *Tazkiyah al-nafs* merujuk kepada proses penyucian jiwa yang menekankan pengawalan nafsu serta pembinaan akhlak dalam diri individu melalui pelaksanaan ibadah dan amalan kerohanian. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap sumber-sumber primer dan sekunder seperti buku, jurnal ilmiah, artikel akademik, siaran akhbar dan laman sesawang yang berautoriti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *tazkiyah al-nafs* memainkan peranan yang signifikan dalam melahirkan pemimpin yang memiliki sifat amanah, adil, jujur dan bertanggungjawab, sekali gus membentuk integriti yang kukuh dari aspek dalaman dan luaran.

Kata Kunci: *Tazkiyah al-nafs*, kepimpinan berintegriti, masyarakat kontemporari

Abstract

Integrity is a fundamental element of leadership that plays a crucial role in ensuring the well-being and stability of society. However, contemporary realities reveal an integrity crisis among leaders, as issues such as abuse of power, corruption, injustice, and neglect of trust are frequently associated with leadership institutions. This phenomenon underscores the need to strengthen leader's internal values and spiritual dimensions so that leadership may be implemented effectively and ethically. Accordingly, this study examines the concept of *tazkiyah al-nafs* as a central foundation in the formation of integrity-based leadership from an Islamic perspective. *Tazkiyah al-nafs* refers to the process of spiritual purification that emphasizes the regulation of desires and the cultivation of moral character within individuals through the practice of worship and spiritual disciplines. This study adopts a qualitative approach by employing document analysis of both primary and secondary sources, including books, scholarly journals, academic articles, press releases, and authoritative websites. The findings indicate that *tazkiyah al-nafs* plays a significant role in nurturing leaders who embody trustworthiness, justice, honesty and responsibility, thereby fostering strong integrity at both internal and external levels.

Keywords: Tazkiyah al-nafs, integrity-based leadership, contemporary society

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Nur Qistina Zulkefli & Nozira Salleh. (2026). Pembentukan Kepimpinan Berintegriti melalui Konsep *Tazkiyah al-Nafs* [The Formation of Integrity-Based Leadership through *Tazkiyah al-Nafs*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(1): 305-315.

PENGENALAN

Isu integriti dalam kepimpinan merupakan fenomena sosial dalam masyarakat kontemporari yang wajar diberi perhatian kerana kepimpinan dalam Islam merupakan amanah besar yang dipertanggungjawabkan kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi. Amanah tersebut mesti dilaksanakan berlandaskan al-Quran dan Sunnah, dengan matlamat membimbing masyarakat ke arah kehidupan yang sejahtera (Siti Fatimah Muhammad Nor, 2022). Kegagalan pemimpin memelihara integriti bukan sahaja melemahkan keyakinan masyarakat terhadap institusi kepimpinan, malah menjadikannya sesuatu yang semakin dianggap biasa dalam kehidupan seharian apabila sering kali dilaporkan dalam wacana media (Nur Farihah, 2026). Situasi ini dapat diperhatikan melalui laporan tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang secara konsisten memaparkan penglibatan pemimpin dalam kes rasuah, penyalahgunaan kuasa, tuntutan palsu, pengubahan wang haram dan pecah amanah (Khadijah Muda et al., 2025). Oleh itu, penekanan terhadap integriti pemimpin merupakan suatu keperluan asas bagi memastikan amanah kepimpinan dilaksanakan secara adil serta menjamin kemajuan dan keharmonian masyarakat kontemporari.

Kajian lepas mengenai kepimpinan menunjukkan bahawa nilai integriti merupakan elemen teras dalam pembentukan kepimpinan yang berkesan dan berwibawa (Ahmad Nazrul & Wan Norhaniza, 2019; Harliana Halim et al., 2025). Hal ini kerana, kepimpinan yang unggul tidak hanya bergantung kepada kemahiran teknikal, malah berakar pada pembinaan nilai moral dan keperibadian individu (Musa Otieno Obuba, 2023). Sejajar dengan pandangan tersebut, Roselena Mansor dan Mohd Izham (2015) menegaskan bahawa kepimpinan yang berkualiti menuntut pembentukan keperibadian positif yang merangkumi sifat bertanggungjawab, berintegriti serta keupayaan mengawal tingkah laku dan pemikiran secara berterusan. Walaupun terdapat banyak kajian yang menekankan kepentingan integriti dalam kepimpinan, majoritinya tidak membincangkan secara mendalam bagaimana nilai tersebut terbina dan diperkukuh dalam diri pemimpin. Kekosongan ini menekankan kepentingan meneliti peranan *tazkiyah al-nafs* sebagai landasan bagi membina pemimpin yang bukan sahaja cekap, malah teguh dalam pegangan moral dan etika ketika menghadapi cabaran masyarakat masa kini.

Kajian ini berasaskan hujah bahawa krisis integriti dalam kepimpinan berpunca daripada kelemahan pembinaan jiwa dan pengabaian aspek *spiritual* dalam diri pemimpin kerana tanpa proses *tazkiyah al-nafs* yang berterusan, pemimpin mudah terdedah kepada hawa nafsu dan kepentingan diri. Kelemahan kawalan dalaman ini akhirnya mempengaruhi cara pemimpin membuat keputusan dan melaksanakan amanah. Fenomena penyalahgunaan kuasa sering dikaitkan dengan kegagalan mengawal dorongan nafsu dan lemahnya kesedaran moral, sedangkan model kepimpinan Islam menekankan penyucian jiwa sebagai asas pembentukan akhlak dan tanggungjawab, yang mampu membentuk kepimpinan lebih beretika dan berwibawa. Oleh itu, *tazkiyah al-nafs* dijangka berfungsi sebagai pendekatan holistik yang berkesan dalam membina dan memperkukuh keperibadian pemimpin yang positif secara menyeluruh.

KONSEP *TAZKIYAH AL-NAFS*

Tazkiyah al-nafs merupakan konsep asas dalam ajaran Islam yang menekankan proses penyucian dan pembangunan jiwa sebagai landasan pembentukan keperibadian insan yang seimbang dan berakhlak. Dari sudut bahasa, perkataan *tazkiyah* yang digunakan dalam kitab-kitab bahasa Arab membawa makna pembersihan, penyucian, penjernihan, perkembangan serta pembentukan (Abu Dardaa, Salasiah Hanin & Ahmad Irdha, 2022). Justeru, sedekah harta dinamakan sebagai zakat kerana dengan mengeluarkan hak Allah daripada harta tersebut, ia menjadi bersih dan suci (Ahmad Farid, 2001). Perkataan *al-nafs* pula merujuk kepada dua dimensi utama dalam diri manusia. Dimensi pertama ialah aspek luaran yang merangkumi unsur fizikal serta pancaindera, manakala dimensi kedua ialah aspek dalaman yang meliputi unsur mental dan *spiritual* (Abu Dardaa, Salasiah Hanin & Ahmad Irdha, 2022). Keseluruhan perbahasan ini memperlihatkan bahawa *tazkiyah al-nafs* bukan sekadar konsep kerohanian, sebaliknya suatu pendekatan pembinaan insan yang holistik merangkumi dimensi fizikal, mental dan *spiritual*.

Seterusnya, para ulama telah mentakrifkan *tazkiyah al-nafs* dari sudut istilah melalui pelbagai pendekatan. Antaranya, Imam al-Ghazali (1990) menjelaskan bahawa *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu proses penyucian jiwa daripada sifat tercela (*mazmumah*) dan pengisian jiwa dengan sifat terpuji (*mahmudah*). Proses ini bukan sekadar latihan rohani, tetapi berfungsi sebagai mekanisme penanaman nilai murni dalaman yang seterusnya membentuk akhlak mulia dan dizahirkan melalui pemikiran, sikap serta tingkah laku seharian. Syeikh Sa'id Hawwa (1999) pula menyatakan bahawa *tazkiyah al-nafs* merujuk kepada proses membersihkan jiwa daripada kemusyrikan berserta aspek-aspeknya, meneguhkan kesuciannya melalui tauhid dan cabang-cabangnya, menjadikan nama-nama Allah yang mulia sebagai asas akhlak serta melaksanakan pengabdian yang sempurna kepada Allah SWT. Secara keseluruhannya, definisi-definisi ini menekankan bahawa *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu kaedah yang penting dan berkesan bagi membina insan seimbang, teguh dalam akhlak dan rohani serta bersedia menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Secara ringkasnya, *tazkiyah al-nafs* melibatkan dua proses utama iaitu *al-takhalli* dan *al-tahalli* sebagai asas pembangunan jiwa. *Al-takhalli* merujuk kepada usaha membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela, manakala *al-tahalli* pula ialah proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mulia dan terpuji. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan modal insan bukan sekadar menekankan penghapusan sifat-sifat *mazmumah*, bahkan turut melibatkan penerapan sifat-sifat *mahmudah* secara berterusan bagi membentuk peribadi yang positif (Siti Nur Aafifah Hashim, 2020). Keadaan ini seterusnya membuka ruang kepada pencapaian tahap *tajalli* iaitu tersingkapnya tabir antara hamba dengan Allah, di mana setiap amal perbuatan dilakukan semata-mata atas dasar kecintaan dan pengabdian kepada-Nya (Siti Mutholingah, 2021). Melalui pengamalan prinsip *al-tahalli* dan *al-takhalli*, seseorang dapat membina kesedaran diri, menilai setiap tindakan dengan tanggungjawab dan mengekalkan integriti dalam kehidupan peribadi serta interaksi sosial.

Pelaksanaan *tazkiyah al-nafs* menuntut kesabaran kerana proses ini memerlukan usaha yang gigih dan tempoh masa yang panjang. Dalam konteks ini, para ulama menekankan kepentingan meningkatkan amalan ibadah sebagai latihan bagi membiasakan diri agar sentiasa istiqamah dalam melakukan kebaikan. Antara ibadah yang dianjurkan termasuklah solat, zakat,

puasa, haji, tilawah al-Quran, zikir, doa serta berjaga pada waktu malam untuk melaksanakan ibadah (Zidni Nuran & Zaizul, 2017). Menurut Syeikh Sa'id Hawwa (1999), ibadah-ibadah ini akan memberi kesan yang optimum apabila dilaksanakan dengan sempurna, iaitu apabila amalan zahir disertai dengan penghayatan batin, seperti solat yang disertai khusyuk, zakat dengan niat ikhlas, tilawah al-Quran berserta *tadabbur* dan zikir yang dilakukan dengan kehadiran hati. Firman Allah SWT (Al-Mu'minun 23: 1-2):

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ، ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ

> Maksudnya: Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya.

Kekhusyukan dalam ibadah bermula daripada hati, iaitu kehadiran dan penghayatan sepenuhnya kepada Allah SWT, yang melahirkan ketenangan, keikhlasan dan kesedaran dalam setiap gerakan dan ucapan semasa solat. Kekhusyukan hati inilah asas yang menzahirkan kekhusyukan anggota badan, kerana anggota hanya mampu khusyuk apabila hati benar-benar hadir dan tunduk kepada Allah (Mohamad Razif, 2017). Hal ini selari dengan pandangan Halim Mokhtar et al. (2022) bahawa hati merupakan unsur terpenting dalam diri manusia yang mengawal pemikiran, tindakan, tingkah laku, perasaan serta emosi, dan ia hanya berfungsi secara baik apabila dilandasi kesedaran ketuhanan (*God's consciousness*) atau *qalbun salim*. Sehubungan itu, keadaan hati turut menentukan sama ada individu bertindak berlandaskan keadilan, kebijaksanaan dan akhlak terpuji, atau sebaliknya apabila hati dipenuhi sifat-sifat tercela seperti tamak, sombong dan iri hati. Justeru, di sini terletaknya peranan *tazkiyah al-nafs* yang menekankan pembersihan hati daripada sifat-sifat negatif serta pengisiannya dengan sifat-sifat mulia melalui amalan ibadah yang berlandaskan syariah serta keikhlasan hati (Nindy Putri Aprilia, Cucu Surahman & Elan Sumarna, 2024).

Kesimpulannya, *tazkiyah al-nafs* merupakan landasan utama dalam pembentukan insan yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani, matang dalam pemikiran serta berakhlak mulia. Konsep ini menekankan proses penyucian jiwa dari sifat-sifat tercela, pembangunan hati dengan nilai dan sifat terpuji serta penanaman disiplin rohani dan moral yang berterusan dalam kehidupan individu. Kefahaman dan pengamalan *tazkiyah al-nafs* bukan sahaja berperanan penting dalam pembangunan diri secara peribadi, malah menjadi asas yang signifikan kepada kepimpinan Islam kerana elemen kerohanian berfungsi sebagai tunjang kepada pengurusan yang efektif dan pembangunan modal insan sejagat yang berteraskan al-Quran dan Sunnah (Mohd Hidayat, Fairuz & Mohd Zuhaili, 2017). Melalui pengamalan yang konsisten dan berterusan, individu bukan sahaja mampu membina integriti dan ketahanan diri, bahkan meningkatkan keberkesanan dalam kepimpinan serta menjamin keharmonian dalam interaksi sosial dan kehidupan bermasyarakat.

KONSEP KEPIMPINAN BERINTEGRITI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), istilah kepimpinan berasal daripada kata dasar pimpin yang membawa maksud membimbing, memandu atau menunjukkan arah. Perkataan memimpin pula merujuk kepada perbuatan memegang dan membawa seseorang ke arah tujuan

tertentu. Sehubungan itu, kepimpinan dapat difahami sebagai keupayaan seseorang individu untuk memimpin, manakala kepemimpinan merujuk kepada keupayaan dan daya yang dimiliki oleh seseorang pemimpin dalam melaksanakan peranan kepimpinannya. Hal ini selari dengan pandangan Hairunisak Ahmad Tulis dan Halimah Mohd Yusof (2021), iaitu kepimpinan merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk memimpin, membimbing serta mempengaruhi kumpulan atau masyarakat bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam konteks organisasi dan masyarakat, kepimpinan bukan sekadar kedudukan atau autoriti formal, sebaliknya merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan berlandaskan integriti dan dizahirkan melalui tindakan. Oleh kerana itu, kepimpinan dalam Islam sentiasa menekankan prinsip keadilan, tanggungjawab dan ketakwaan, dan tidak berpaksikan kepada keistimewaan atau hak mutlak individu.

Integriti menjadi asas utama dalam kepimpinan kerana ia memastikan setiap tindakan dan keputusan pemimpin selari dengan nilai moral dan etika yang tinggi. Istilah integriti berasal daripada perkataan Latin *integer*, yang bermaksud keutuhan atau kesempurnaan. Nilai ini merujuk kepada konsistensi antara perkataan dan tindakan, kejujuran, keutuhan moral serta komitmen terhadap nilai-nilai murni dalam pelbagai situasi. Dalam konteks Islam, integriti selaras dengan sifat-sifat seperti benar, amanah, setia, teguh dalam pegangan dan takwa seperti yang ditunjukkan dalam diri Rasulullah SAW (Ahmad Nazrul & Wan Norhaniza, 2019). Keadilan merupakan salah satu prinsip utama dalam kepimpinan baginda, di mana setiap individu diperlakukan secara adil tanpa mengira latar belakang, suku atau status sosial. Setiap keputusan yang dibuat menekankan penegakan keadilan dan disokong melalui pelaksanaan hukum dalam pentadbiran Islam. Pendekatan yang adil ini bukan sahaja menimbulkan rasa hormat dan keyakinan di kalangan pengikut, malah turut menyumbang kepada kestabilan sosial dalam masyarakat (Aditya Syahputra, Akhmad Kastalani & Ahmadi, 2025).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa, antara prinsip utama dalam kepimpinan Islam ialah amanah dan adil, sebagaimana firman Allah SWT (Al-Nisa' 4:58):

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا

> Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Menurut *Tafsir al-Munir*, ayat tersebut mewajibkan para pemimpin serta seluruh rakyat melaksanakan amanah dengan benar. Amanah dapat dikategorikan kepada tiga bentuk utama, iaitu amanah terhadap diri sendiri, hak orang lain dan hak Allah SWT (Mukhrij Sidqy & Hafidz Taqwa, 2024). Setelah prinsip amanah ditunaikan dengan sempurna, prinsip berikutnya yang perlu ditegakkan adalah memutuskan hukum secara adil dalam kalangan manusia. Pemimpin atau pihak yang memiliki kuasa sentiasa berurusan dengan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kelompok. Antaranya, dalam konteks politik, wujud pelbagai golongan dengan

kepentingan masing-masing, maka pemimpin yang dipilih wajar bersikap adil dan berada di atas semua kepentingan tersebut (Srifariyati & Afsya Septa Nugraha, 2019). Menurut al-Ghazali (1968), seorang pemimpin yang adil ialah mereka yang menegakkan keadilan terhadap rakyat dengan penuh amanah serta menjauhkan diri daripada segala bentuk kezaliman dan kerosakan. Sebaliknya, pemimpin yang bersifat zalim dianggap sebagai punca kehancuran; kekuasaannya tidak akan berkekalan dan pemerintahannya akan lenyap bersama kezaliman yang dilakukan. Selain al-Quran, panduan hadis Nabi SAW turut menegaskan tanggungjawab kepimpinan sebagai amanah besar, sebagaimana sabdanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " أَلاَ كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهْوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهْوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ، وَعَبْدُ الرَّجُلِ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهْوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ."

> Maksudnya: Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang di bawah pimpinan kamu; seorang pemerintah adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan terhadap rakyatnya; seorang lelaki adalah pemimpin kepada anggota keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap anggota keluarganya; seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap anak-anaknya dan pimpinannya; dan khadam adalah diamanahkan terhadap harta tuannya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang berada di bawah amanahnya. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *al-Ahkam*, Bab Firman Allah SWT: *Ati'u Allah wa Ati'u al-Rasul wa Uli al-Amri Minkum*, No. 7138)

Secara umum, hadis ini menegaskan bahawa setiap individu memikul tanggungjawab kepimpinan dalam lingkungan masing-masing, meskipun ruang lingkup kepimpinan itu berbeza-beza bergantung kepada peranan, keadaan dan konteks yang dihadapi. Bahkan, segala urusan pentadbiran dan pemerintahan termasuk dalam ruang lingkup ibadah kerana setiap tindakan akan dinilai dari sudut dosa dan pahala, serta akan dipersoalkan di hari Akhirat (Mohd. Luqman & Latifah Abdul Majid, 2021). Imam al-Mawardi (1983) menegaskan bahawa antara kewajipan utama seorang pemimpin terhadap rakyatnya ialah mengurus pelbagai aspek kehidupan mereka, termasuk agama, ekonomi, kebajikan dan keselamatan yang kesemuanya perlu ditunaikan sebagai suatu amanah besar di sisi Allah SWT.

Kesimpulannya, kepimpinan berintegriti menurut perspektif Islam berpaksikan kesedaran bahawa setiap kuasa, tanggungjawab dan amanah yang dipegang oleh pemimpin akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Kefahaman ini melahirkan pemimpin yang bertindak mengutamakan prinsip etika, kawalan diri serta kepentingan umum, bukan semata-mata untuk kepentingan peribadi atau keuntungan duniawi. Integriti yang dibina melalui pembangunan rohani, penyucian hati dan akhlak mulia menjadi faktor penentu kepada ketelusan, keadilan, serta kestabilan dalam pelaksanaan kepimpinan, sekali gus memastikan bahawa setiap keputusan dan tindakan yang diambil selaras dengan hukum syarak. Justeru, kepimpinan yang berteraskan nilai-nilai Islam berfungsi sebagai mekanisme penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat dan keluhuran sistem pemerintahan.

APLIKASI KONSEP *TAZKIYAH AL-NAFS* DALAM PEMBENTUKAN KEPIMPINAN BERINTEGRITI

Isu integriti dalam kepimpinan dan pentadbiran awam terus menjadi perhatian masyarakat berikutan peningkatan kes rasuah serta penyalahgunaan kuasa yang dilaporkan saban tahun. Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bahawa puluhan ribu laporan berkaitan gejala tersebut telah diterima dalam beberapa tahun kebelakangan, melibatkan ribuan kertas siasatan dan penahanan individu (Bernama, 2025). Situasi ini mencerminkan kemerosotan nilai moral dalam struktur kepimpinan negara yang bukan sahaja menjejaskan kredibiliti individu pemimpin, malah menggugat kepercayaan masyarakat terhadap institusi pentadbiran secara keseluruhan. Menurut Mohd Abdullah Jusoh (2025), tadbir urus yang baik bukan sekadar mematuhi tatacara, tetapi merupakan asas penting bagi mengekalkan kepercayaan rakyat, kestabilan ekonomi dan pembangunan negara. Oleh itu, kejayaan kepimpinan tidak wajar diukur semata-mata melalui aspek kecekapan teknikal atau pencapaian material, sebaliknya perlu dinilai berdasarkan tahap komitmen pemimpin terhadap etika, amanah dan tanggungjawab terhadap kepentingan masyarakat umum.

Kepimpinan yang berkesan bukan sahaja memerlukan strategi yang jelas, malah perlu disokong oleh nilai integriti yang lahir daripada hati yang ikhlas dan bersih. Apabila nilai-nilai ini diterapkan secara berterusan, ia berupaya membentuk individu yang berpegang pada prinsip, bersikap profesional serta membantu mewujudkan sistem pentadbiran yang saksama, telus dan efisien (Ahmad Faris et al., 2022). Hal ini selaras dengan pandangan Muhammad Rouf (2022), yang menekankan bahawa sesebuah pemerintahan memerlukan keseimbangan antara kekuatan zahir dan batin berasaskan dimensi kerohanian, kerana kekuatan batin yang terbit dari hati dan jiwa bersifat kekal serta memberi kesan yang lebih mendalam. Menurut Halim Mokhtar et al. (2022), dimensi hati merupakan unsur teras dalam pembentukan watak kepimpinan Islam kerana ia melahirkan sifat amanah, ikhlas dan kesedaran terhadap tanggungjawab. Oleh itu, perbincangan mengenai integriti kepimpinan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap pembentukan jiwa sebagai teras kepada kelestarian nilai etika dalam kepimpinan moden.

Melihat kepada keperluan pengukuhan nilai dalaman pemimpin sebagai asas integriti, tasawuf dan konsep *tazkiyah al-nafs* muncul sebagai pendekatan yang relevan dalam membina kepimpinan Islam yang beretika dan berkesan. Pendekatan ini menekankan pembinaan jiwa pemimpin melalui penyucian sifat-sifat negatif seperti kesombongan, hasad, kemarahan melampau serta keterikatan berlebihan terhadap kepentingan dunia, di samping menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji. Dalam konteks ini, *tazkiyah al-nafs* melibatkan dua mekanisme utama iaitu *mujahadah al-nafs* (kesungguhan melawan hawa nafsu) dan *riyadah al-nafs* (latihan jiwa menuju ke arah kebaikan), yang dilaksanakan melalui pelbagai medium (Nor Shakirah, Siti Hajar & Syed Hadzrullathfi, 2025). Antaranya, pelaksanaan ibadah wajib dan sunat yang mampu memperkukuh keimanan seseorang individu kepada Allah SWT. Menurut Abdul Manam (2010), amalan seperti solat, puasa, zakat, sedekah, haji, umrah serta zikir berperanan sebagai wasilah penyucian jiwa dan peningkatan ketakwaan kepada Allah SWT.

Secara ringkasnya, pembentukan kepimpinan berintegriti melibatkan dua proses utama yang saling melengkapi, iaitu *takhalli* dan *tahalli*. *Takhalli* merujuk kepada usaha mengosongkan diri daripada sifat-sifat *mazmumah* seperti riyak, ujub, takbur dan hasad dengki,

yang sering menjadi punca kepada penyelewengan kuasa, rasuah dan ketidakadilan dalam pentadbiran. Pemimpin yang tidak melalui proses pembersihan ini cenderung membuat keputusan berasaskan kepentingan peribadi atau dorongan emosi, sekali gus menjejaskan prinsip amanah dan keadilan. Proses *takhalli* dan *tahalli* diperkukuh melalui kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhatikan zahir dan batin manusia (muraqabah), di samping amalan mujahadah dan muhasabah yang berterusan dalam mengawal dorongan negatif (Irsan Hadi, 2026).

Seterusnya, proses *tahalli* melengkapi *takhalli* dalam membentuk kepimpinan beretika melalui pengisian jiwa pemimpin dengan sifat-sifat *mahmudah* seperti ikhlas, amanah, sabar, syukur dan tawaduk. Pengisian ini berlaku selepas proses pembersihan jiwa dan diperkukuh melalui pengamalan akhlak mulia secara berterusan dalam kehidupan seharian (Muspian, 2025). Dalam konteks kepimpinan, pengamalan *tahalli* memastikan integriti bukan sekadar difahami secara teori, tetapi diterjemahkan secara konsisten dalam tindakan, selaras antara kata dan perbuatan serta mengutamakan kepentingan umum. Selain itu, penghayatan terhadap sifat-sifat terpuji ini turut menyumbang kepada ketenangan dalaman, memperkukuh hubungan sosial, dan membentuk persekitaran organisasi yang harmoni serta berasaskan nilai moral (Muspian 2025). Justeru, konsep *takhalli* dan *tahalli* menjadi asas penting dalam membina kawalan dalaman yang kukuh dan mencegah penyimpangan dalam pelaksanaan tanggungjawab kepimpinan.

Antara kesan pengamalan konsep *tazkiyah al-nafs* secara konsisten ialah pembentukan keperibadian pemimpin yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nor Shakirah, Siti Hajar dan Syed Hadzrullathfi (2025) menyatakan bahawa pelaksanaan amalan kerohanian secara konsisten berupaya menenteramkan jiwa dan mengawal dorongan nafsu, sekali gus membantu individu menghadapi tekanan hidup serta kecelaruan mental dengan lebih tenang dan terkawal. Hal ini menunjukkan bahawa individu yang berpegang teguh pada amalan keagamaan lebih bersedia menghadapi cabaran dengan kesabaran, ketabahan serta kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Dalam aspek kepimpinan, pemimpin yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi berupaya mengawal emosi, bekerjasama secara efektif serta menangani konflik secara rasional tanpa dipengaruhi reaksi emosi yang melampau (Tengku Elmi Azlina et al., 2017). Selain itu, kepimpinan yang berasaskan *tazkiyah al-nafs* juga mampu melahirkan pemimpin yang berintegriti, bertanggungjawab dan peka terhadap nilai rohani, sekali gus membimbing tingkah laku kepimpinan agar berakhlak, beretika dan selari dengan prinsip al-Quran serta Sunnah (Achmad Rizki et al., 2021). Keadaan ini memperlihatkan bahawa *tazkiyah al-nafs* bukan sekadar proses penyucian jiwa secara peribadi, bahkan berfungsi sebagai asas pembentukan keperibadian pemimpin yang matang, stabil dan berdaya tahan dalam mengurus cabaran organisasi serta tuntutan masyarakat.

Selain membina keperibadian individu, konsep *tazkiyah al-nafs* yang berperanan dalam mengubah sifat negatif dalam diri pemimpin kepada nilai-nilai terpuji seperti keadilan, kejujuran, amanah dan kesabaran turut memberi implikasi positif terhadap pembentukan budaya organisasi. Kajian Ahmad Faris et al. (2022) menunjukkan bahawa pengurusan berintegriti dapat meningkatkan kepercayaan, produktiviti dan kesejahteraan dalam organisasi, sekali gus menyokong pembentukan budaya kerja yang beretika dan berkualiti dalam konteks pengurusan Islam. Tambahan pula, pemimpin yang mempamerkan integriti dan konsistensi antara kata dan tindakan akan menggalakkan keyakinan serta kesetiaan dalam kalangan anggota

organisasi, sekali gus memupuk budaya kejujuran, keterbukaan dan *akauntabiliti* dalam struktur organisasi (Abdul Malik Abdulai et al., 2025). Justeru, nilai integriti yang dihayati secara peribadi akan diterjemahkan ke dalam dasar, amalan dan interaksi organisasi secara kolektif, sekali gus memulihkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pentadbiran yang sebelum ini terjejas akibat wujudnya pelbagai isu yang melibatkan pihak berkenaan.

Oleh itu, *tazkiyah al-nafs* memainkan peranan signifikan dalam pembentukan kepimpinan berintegriti kerana ia menyatukan dimensi moral, rohani dan praktikal dalam diri pemimpin secara seimbang. Dapatan kajian dalam bidang kepimpinan dan tadbir urus menunjukkan bahawa integriti yang kukuh bergantung kepada kekuatan kawalan dalaman serta kesedaran etika yang konsisten dalam setiap tindakan dan keputusan. Melalui pendekatan ini, pemimpin bukan sahaja berfungsi sebagai pelaksana tugas yang cekap, malah sebagai agen perubahan yang beretika dan bertanggungjawab, seterusnya menyumbang kepada kestabilan organisasi, ketelusan pentadbiran dan kesejahteraan masyarakat dalam mendepani cabaran kepimpinan kontemporari.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pembentukan kepimpinan berintegriti tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan dalaman dan *spiritual* pemimpin melalui pengamalan konsep *tazkiyah al-nafs* secara menyeluruh dan berterusan. Perbincangan yang dikemukakan menunjukkan bahawa krisis integriti dalam kepimpinan kontemporari berpunca daripada kelemahan kawalan dalaman, ketidakstabilan jiwa serta pengabaian dimensi kerohanian dalam proses pembangunan kepimpinan. Melalui *tazkiyah al-nafs*, pemimpin dibentuk dengan kekuatan hati, kejelasan nilai moral dan kesedaran amanah yang tinggi, sekali gus melahirkan sifat amanah, adil, jujur dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan serta keputusan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh keperibadian pemimpin secara individu, malah memberi kesan positif terhadap pembentukan budaya organisasi yang beretika, telus dan ber*akauntabiliti*. Justeru, penerapan *tazkiyah al-nafs* sebagai teras pembangunan kepimpinan Islam wajar diberi perhatian serius dalam dasar dan latihan kepimpinan agar ia mampu melahirkan pemimpin yang berwibawa, berintegriti dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran masyarakat Islam kontemporari secara holistik dan berkesan.

RUJUKAN

Abdulai, A. M., Iddrisu, O. A., Osman, A. & Iddrisu, A. B. 2025. Leadership Integrity: A Strategic Pillar for Ethical Decision Making and Organizational Excellence. *Advances in Research* 26(1): 65-73.

Aprilia, N. P., Surahman, C. & Sumarna, E. 2024. Konsep Tazkiyah al-Nafs dalam Al-Qur'an dan Implikasinya terhadap Pendidikan Agama Islam. *Tazkir: Jurnal Penelitian Ilmu-ilmu Sosial dan Keislaman* 10(2): 279-298.

Azizan, N. S., Yusoff, S. H. M. & Omar, S. H. S. 2025. Pemikiran Ibn Ata Allah dalam Membangunkan Resiliensi. *Al-Hikmah* 17(1): 46-66.

Azwan, A. F. a. R., Azhar, N. a. M. N., Abdullah, S. M., Abd Razak, S. & Helmi, M. N. a. M. 2022. Memperkasakan Integriti dalam Organisasi Islam: Satu Tinjauan Holistik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding* 5(2): 109-121.

Bernama, P. B. N. M. 2025. SPRM Terima Lebih 34000 Laporan Rasuah dalam Tempoh Lima Tahun. https://bernama.com/bm/news.php?id=2433447 [27 Januari 2026].

al-Bukhari, M. I. I. 2002. *Sahih al-Bukhari.* Beirut: Dar Ibn Kathir.

Farid, A. 2001. *Tazkiyah an-Nafs: Konsep Penyucian Jiwa menurut Para Salaf.* Jawa Tengah: Pustaka Arafah.

al-Ghazali, A. H. 1968. *Al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk.* Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.

al-Ghazali, A. H. 1990. *Ihya' 'Ulum al-Din.* Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Hadi, I. 2026. Transformasi Spiritual melalui Tasawuf Akhlaki dalam Pembentukan Karakter Islami. *Journal of Islamic Education Studies* 4(2): 168-176.

Halim, H., Rapee, F. D. M., Zin, A. M., Ngu, C. J. & Razali, N. A. 2025. Integriti sebagai Asas Umran: Nilai, Akhlak Pemerintahan dan Kelestarian Institusi. *Human Sustainability Procedia* 5(2): 118-131.

Hashim, S. N. A. 2020. Pembangunan Modal Insan melalui Konsep Tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Maw'izah* 3(1): 17-27.

Hawwa, S. I. 1999. *Mensucikan Jiwa (Konsep Tazkiyatun-nafs Terpadu: Intisari Ihya' 'Ulumuddin al-Ghazali).* Jakarta: Robbani Press.

Kamus Dewan. Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahadi, M. H., Mustafa, F. M. & Basir, M. Z. K. 2017. Human Development through Leadership from Islamic Perspective. *Ma'alim al-Qur'an wa al-Sunnah* 13(14): 104-113.

Mansor, R. & Mohd Hamzah, M. I. 2015. Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan* 45: 143-154.

al-Mawardi, A. a.-H. A. 1983. Nasihat al-Muluk. Khidr, K. M. Kuwait: Maktabah al-Falah.

Mohamad, A. D., Hamjah, S. H. & Mokhtar, A. I. 2022. *Konsep Tazkiyat al-Nafs dan Kesejahteraan Jiwa al-Muhasibi.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad, A. M. 2010. Tazkiyat al-Nafs: Jalan Taqarrub kepada Allah S.W.T. https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/tazkiyat-al-nafs-jalan-taqarrub-kepada-allah-s-w-t/ [10 Februari 2026].

Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Aini, Z., Mahmod, A. H. & Shahabudin, M. F. R. 2022. Kompenen Kepimpinan Dimensi Al-Qalb dari Perspektif Kepimpinan Islam: Satu Analisis Kajian Lepas. *Jurnal Pengajian Islam* 15(2): 113-124.

Muda, K., Mohd Mokhtar, R. A., Abd Rahman, K. A., Mat Yacob, S. N. B. & Mohd Tohar, S. N. A. 2025. Tinjauan Awal Kes-Kes Integriti dan Rasuah melibatkan Ahli Politik Malaysia. *e-BANGI Journal* 22(2): 201-213.

Muda, T. E. a. T., Abidin, S. Z., Lip, S. M. & Sulaiman, S. H. 2017. Kepimpinan dan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Barisan Pengurusan Tertinggi Institut Pengajian Tinggi. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education* 1(2): 1-12.

Muspian. 2025. Tahalli: Mengisi Jiwa dengan Sifat-sifat Baik. *JUTEQ: Jurnal Teologi dan Tafsir* 2(9): 1417-1423.

Mutholingah, S. 2021. Metode Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Nafs) dan Implikasinya bagi Pendidikan Agama Islam. *TA'LIMUNA: Jurnal Pendidikan Islam* 10(1): 69-83.

Noordin, Z. N. & Rahman, Z. A. 2017. Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath* 2(1): 37-46.

Nor, S. F. M. 2022. Kepimpinan Islam dalam Tadbir Urus Insan: Satu Tinjauan. *CIFER International Journal of Islamic Finance* 1(1): 104-112.

Obuba, M. O. 2023. Evaluating the Moral Components of Authentic Leadership on Employees' Productivity. A Literature Review. *Open Journal of Leadership* 12(1): 89-115.

Razif, M. 2017. Khusyuk Solat: Hukum dan Cara Mendapatkannya. https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2082-bayan-linnas-siri-ke-82-khusyuk-solat-hukum-dan-cara-mendapatkannya [25 Disember 2025].

Rizki, A., Hamat, A. A. & Muhyani. 2021. Model Pendidikan Kepemimpinan berbasis Tazkiyah al-Nafs *Islamic Management: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 4(01): 139-167.

Rouf, M. 2022. Kepemimpinan Moral dalam Pendidikan Moral; Telaah Model Spiritual dan Profetik. *Al-Kamal: Jurnal Kajian Islam* 2(2): 421-433.

Sahimi, N. F. M. F. 2026. Integriti Kian Pudar dalam Arus Kebiasaan. https://www.hmetro.com.my/rencana/2026/01/1308319/integriti-kian-pudar-dalam-arus-kebiasaan?source=widget [10 Januari 2026].

Sakri, M. L. A. & Majid, L. A. 2021. Hadis-Hadis Kepimpinan Menurut Tuan Guru Abdul Hadi Awang. *Persidangan Antarabangsa Sosiopolitik Gerakan Islam Sedunia* hlm. 245-259.

Sidqy, M. & Taqwa, H. 2024. Tafsir Tahlili QS An-Nisa Ayat 58-63; Dasar-Dasar Pemerintahan. *At-Tadris: Journal of Islamic Education* 3(2): 154-169.

Srifariyati & Nugraha, A. S. 2019. Prinsip Kepemimpinan dalam Perspektif QS An-Nisa: 58-59. *Madaniyah* 9(1): 41-61.

Syahputra, A., Kastalani, A. & Ahmadi. 2025. Karakteristik Kepemimpinan Rasulullah SAW. *Indonesian Journal of Islamic Studies (IJIS)* 1(2): 184-191.

Tulis, H. A. & Yusof, H. M. 2021. Gaya Kepimpinan Transformasi Pemimpin dan Kesejahteraan Psikologi Pekerja. *Sains Humanika* 13(2-2): 79-86.

Yahya, A. N. A. & Hasan, W. N. W. 2019. Integriti dalam Kepimpinan Organisasi di Malaysia berdasarkan Prinsip-prinsip Pembangunan berteraskan Islam. *International Islamic Development Management Conference*, hlm. 539-547.